



جابتن حال إحوال اِكْلام إسلام قولوا قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**AMBANG RAMADAN:
SAAT MENILAI DIRI
BUKAN MENANTI HARI**



Tarikh Bacaan:
13 FEBRUARI 2026M / 25 SYAABAN 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Ambang Ramadan: Saat Menilai Diri Bukan Menanti Hari

13 Februari 2026M/ 25 Syaaban 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾ سورة البقرة

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ وَأَبْقَى.

PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Pada kesempatanyang penuh kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri dan para jemaah sekalian. Bertakwalah kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Tanpa takwa, amalan kita tidak diterima oleh Allah, meskipun ia kelihatan baik di mata manusia. Takwa menjadikan kita lebih bertanggungjawab terhadap setiap tindakan.

Khatib juga mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan menjauhi perkara sia-sia. Alangkah ruginya jika kita sudah berada di rumah Allah, tetapi hati masih terikat dengan urusan dunia. Bagi melengkapkan kewajipan solat



Jumaat kita pada hari ini, marilah kita menghayati khutbah bertajuk:
Ambang Ramadhan: Saat menilai diri bukan menanti hari.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Syaaban kini hampir melabuhkan tirainya dan Ramadan semakin menghampiri. Namun persoalan yang lebih utama bukanlah bila Ramadan akan bermula, tetapi sejauh manakah kesediaan hati kita untuk menyambutnya. Ambang Ramadan bukan sekadar masa menunggu perubahan waktu, sebaliknya ruang untuk menilai keadaan diri serta hubungan kita dengan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Inilah hakikatnya muhasabah yang dituntut oleh Allah sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Hasyr ayat 18:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangannya) dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa-apa yang telah disediakan (daripada amalan mereka) untuk hari esok (akhirat) dan (sekali lagi diingatkan) bertakwalah kepada Allah! Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui secara mendalam apa-apa yang kamu lakukan”*

Namun sidang jemaah sekalian, muhasabah yang diperintahkan oleh Allah ini bukan sekadar lintasan di fikiran. Ia menuntut kejujuran diri sendiri dan keberanian untuk melakukan perubahan. Hal ini kerana

muhasabah yang tidak melahirkan perubahan hakikatnya hanyalah penyelesaian kosong yang tidak membawa makna di sisi Allah.

Sesungguhnya Ramadan bukan jaminan perubahan bagi insan yang tidak mahu berubah. Ada dalam kalangan kita yang mampu menahan lapar dan dahaga, namun masih gagal menjaga lidah daripada dusta, mata daripada maksiat dan hati daripada sifat-sifat mazmumah. Tanpa kesedaran dan muhasabah yang sebenar, Ramadan hanya mengubah rutin harian, tetapi tidak mengubah arah dan tujuan kehidupan.

Rasulullah mengingatkan perkara ini dalam sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Imam Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ:

مَنْ لَمْ يَدَعْ قَوْلَ الزُّورِ وَالْعَمَلَ بِهِ فَلَيْسَ لِلَّهِ حَاجَةٌ فِي أَنْ يَدَعَ طَعَامَهُ وَشَرَابَهُ

Maksudnya: “Sesiapa yang tidak meninggalkan percakapan dusta dan perbuatan keji, maka Allah tidak berhajat kepada perbuatan meninggalkan makan dan minum.”

(Hadis Riwayat Al-Bukhari)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Lantaran itu, ambang Ramadan adalah masa untuk bermuhasabah diri sendiri, bukan masa menghitung dan membandingkan kelemahan orang lain. Kerana yang akan dipersoalkan di hadapan Allah kelak bukan kesalahan manusia di sekeliling kita, tetapi kecuaiian dan kelalaian diri sendiri.

Satu hakikat yang perlu kita sedari ialah perubahan jiwa yang diharapkan daripada Ramadan tidak bermula pada hari pertama puasa. Bahkan ia bermula lebih awal sebelum Ramadan tiba. Ini kerana

Ramadan bukan medan untuk kita mulakan pencarian, tetapi masa untuk menuai hasil daripada persiapan jiwa yang telah dilakukan.

Hidup ini singkat dan peluang tidak selalu berulang. Sesiapa yang bertanggung sehingga Ramadan tiba, belum tentu dikurniakan kekuatan untuk beribadah dengan hati yang benar-benar bersedia. Rebutlah peluang untuk memperbetulkan niat, menyegerakan taubat dan membersihkan jiwa. Tanpa taubat dan niat yang tulus, ibadah Ramadan akan menjadi amalan rutin yang tidak memberi kesan selepas Syawal berlalu.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Ambang Ramadan merupakan saat untuk kita membuat pilihan dan keputusan. Sama ada untuk terus berada dalam kelalaian atau memilih untuk berubah menjadi hamba yang bertakwa serta bersedia menyambut ketibaan bulan yang mulia.

Sesungguhnya Ramadan tidak menunggu mereka yang leka. Ramadan hadir membawa rahmat, keampunan dan pembebasan daripada api neraka bagi hamba-hamba yang mahu kembali kepada penciptaannya.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Sebelum mengakhiri khutbah minggu ini, berikut beberapa Kesimpulan yang wajar dijadikan renungan untuk diri kita dan keluarga:

Pertama: Ambang Ramadan ialah masa untuk muhasabah diri. Bukan sekadar menghitung hari yang bakal tiba, tetapi ruang untuk menilai iman dan hubungan kita dengan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Kedua: Ramadan tidak memberi kesan kepada insan yang enggan berubah. Puasa yang diterima menuntut penjagaan akhlak dan kejayaannya dinilai melalui ketaatan yang berterusan selepas ia berlalu.

Ketiga: Perubahan jiwa bermula dengan keputusan hari ini, bukannya esok. Taubat yang ditangguhkan belum tentu sempat dilaksanakan dan peluang yang disia-siakan tidak akan kembali.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah al-Baqarah ayat 187:

... تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا تَقْرَبُوهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿١٨٧﴾

Maksudnya: *"Itulah larangan Allah, maka janganlah kamu mendekatinya. Demikianlah Allah menjelaskan ayat-ayat hukumnya kepada manusia supaya mereka bertakwa"*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan kadar uruf emas perhiasan bagi wanita Islam di Negeri Pulau Pinang dengan kadar 250 gram berdasarkan kajian semakan yang telah dijalankan.

Selain itu, Kempen Respek Ramadan di bawah Seksyen 15, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 bertujuan memastikan tidak berlaku perbuatan berbuka puasa di khalayak ramai serta sebarang aktiviti yang bercanggah dengan kesucian Ramadan.

Mana-mana orang Islam yang didapati melakukan kesalahan tersebut boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya terdapat sebarang perlakuan mungkar, orang ramai digalakkan untuk membuat aduan dengan segera kepada Jawatankuasa Kariah atau Bahagian Penguatkuasaan JHEAIPP.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْرِيَا حُصُوصًا وَوَلَايَةً فُؤَلَاوِ فَيَنْعَ آمِنًا مُطْمَئِنًا
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG